

Gagasan 1Malaysia serap nilai tidak lupa diri: Rais

UB 20/5/2012 133
Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

KOTAKINABALU: Kita orang Timur, Asia dan merupakan warganegara Malaysia. Di sini kita hidup dan akan mati. Menjadi kewajipan kita untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia.”

Demikian kata-kata Datuk Seri Panglima Dr Rais Yatim, yang meminta agar rakyat negara ini tidak terjebak dengan anasir yang memungkinkan mereka menjadi rakyat yang

Jelasnya, konsep ‘membayar semula jika sudah berhutang’ juga adalah amat mudah dan ia sendiri dianjurkan oleh agama rasmi negara, agama Islam.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini ada pihak yang cuba menggalakkan individu berhutang melupakan sahaja hutang terbabit dan tidak perlu membayar semula.

Mengambil contoh pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), katanya, sudah menjadi kewajipan peminjam untuk membayar semula

mengandung semua nilai-nilai murni yang perlu diserlahkan semula dalam diri rakyat Malaysia.

Menjangkau usia lebih tiga tahun, katanya gagasan ini semakin diterima oleh masyarakat Malaysia yang dibuktikan melalui hasil kajian Kementerian pada 2011.

“Hasil kajian menunjukkan tahap penerimaan masyarakat terhadap Gagasan 1Malaysia adalah 86.3 peratus.

“Tahap pengamalan pula masyarakat pula adalah 85.7 peratus, meningkat 45.7

Hadir memberikan ucap tama di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Rais pada kelmarin memperuntukkan kira-kira satu jam bagi membicarakan tentang ‘Pembentukan Jati Diri Kakitangan dan Mahasiswa UMS dari Perspektif Gagasan 1Malaysia.



RAIS menyampaikan cendera-kenangan daripada Kementerian kepada UMS yang diterima Pemangku Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datin Dr Mariam Abd Latip (kanan).

Program terbabit, katanya, membolehkan kerajaan mendapat maklum balas daripada golongan mahasiswa melalui sesi soal jawab.

“Konsep komunikasi dua hala penting kerana kita perlu memberi ruang kepada mereka untuk bertanya dan dengan cara itu, kita dapat menjawab persoalan dan memberi penjelasan kepada mereka,”katanya.

Katanya, generasi muda ketika ini perlu diperjelas tentang isu semasa yang berlaku supaya tidak terpengaruh dengan perjuangan pihak tidak bertanggungjawab yang mempunyai agenda tersendiri.

Mengakui kerajaan Barisan

Nasional (BN) ketika ini mendapat sokongan padu daripada golongan veteran, beliau tidak menafikan bahawa ada golongan muda memilih untuk tidak menyokong atau belum membuat pilihan.

“Dunia siber banyak mempengaruhi generasi

muda. Mereka membuat perbandingan pandangan yang ada dalam dunia siber itu untuk membentuk pemikiran mereka.

“Bagaimanapun, kita galakkan mereka untuk mengkaji, menyesuaikan dan menyerlahkannya berdasarkan realiti negara kita,”katanya yang menegaskan, golongan mahasiswa harus fokus kepada pelajaran sebelum menceburi politik.

Katanya, jika generasi muda dapat menterjemahkan pemahaman dengan baik, mereka pasti akan dapat melihat perjuangan sebenar kerajaan.

Pesannya, setiap individu seharusnya bukan hanya pandai mengkritik tetapi memberi cadangan membina sekiranya ada ruang yang perlu diperbaiki.

Rais berkata, perbezaan pendapat adalah perkara biasa dan harus disalurkan dengan cara yang betul.

Sementara itu, Rais yang

ditemui selepas majlis turut mengulas tentang Akta Kesalahan Keselamatan dan Akta Perhimpunan Aman.

Katanya, masyarakat harus memahami kandungan kedua-uda akta ini yang menjelaskan hak-hak dan tindakannya yang boleh diambil oleh penguatkuasa.

“Sebelum dikenakan, kita harus menghomati undang-undang negara.

“Misalnya perhimpunan di Dataran Merdeka sebelum ini tidak boleh dilakukan di bawah Akta Perhimpunan Aman. Ia adalah penghinaan kepada undang-undang.

“Jadi, kita tidak boleh salahkan sesiapa sekiranya mereka dikenakan tindakan undang-undang,”katanya.

Beliau turut meminta pihak berkenaan menjadi medium untuk memperjelas tentang bab-bab yang perlu diketahui oleh orang ramai supaya mereka berwaspada, siap sedia dan tahu tentang tindakan yang boleh dan tidak boleh dilakukan.



KETIBAAN Rais dan isteri, Datin Seri Panglima Masnah Rais disambut dengan tarian tradisi masyarakat Sabah.



RAIS dan isteri Datin Seri Panglima Masnah Rais bersama para pegawai UMS bersama-sama menyanyikan lagu patriotik.

lupa diri.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan itu berkata nilai mengenang budi dan tidak lupa diri perlu ada dalam diri setiap individu dan perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian mereka.

pinjaman mereka.

“Namun ada pihak yang cuba menghasut supaya tidak perlu membayar. Membayar adalah wajib bagi mereka yang meminjam,” kata beliau.

Merujuk kepada 1Malaysia, katanya gagasan itu

peratus daripada sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian iaitu 40 peratus,”kata beliau.

Katanya, walaupun gagasan itu tidak diterima seratus peratus, tetapi pencapaian setakat ini adalah amat baik.